

IBS anjur bengkel teknologi vaksinasi

PENYAKIT dan virus seringkali menyerang haiwan ternakan tidak mengira apa jua jenis, sekali gus memberi impak negatif kepada manusia sebagai pengguna yang menjadikannya sebagai sumber makanan.

Impak negatif penyakit dan virus bawaan haiwan ternakan tersebut dapat dikurangkan sekiranya kaedah dan puncanya dapat dikenal pasti.

Untuk tujuan tersebut, Universiti Putra Malaysia (UPM), khususnya Institut Biosains (IBS) telah menganjurkan Bengkel Vaksinologi Malaysia-UK 2016 dengan kerjasama The Pirbright Institute, United Kingdom (UK) dan telah ditaja oleh British Council bawah kelolaan Newton-Ungku Omar Fund (NUOF).

Bertemakan *Mencipta Teknologi Vaksin Generasi Masa Hadapan Bagi Melawan Patogen Veterinar*, bengkel tersebut berlangsung dengan jayanya.

Menurut Pengarah IBS, **Prof. Dr. Abdul Rahman Omar**, pada akhir bengkel tersebut peserta dapat memahami strategi bagi mengurangkan impak penyakit virus ke atas haiwan ternakan, ayam dan manusia.

“Apa yang difokuskan dalam bengkel ini adalah mengurangkan impak penyakit atau virus dari segi reka bentuk, formulasi dan kaedah penghantaran vaksin.

“Bengkel ini juga dilihat berjaya menempatkan satu platform perkongsian dan pertukaran maklumat untuk para penyelidik muda dalam bidang



UPM telah lama menjalankan penyelidikan menghasilkan vaksin. - GAMBAR HIASAN



DR. MOHD. AZMI MOHD. LILA

penyelidikan vaksin,” katanya.

Ujarnya lagi, bengkel itu juga dilihat berjaya membentuk satu jaringan kerjasama antara penyelidik dan pihak industri vaksin penyakit virus bawaan haiwan.

“Peluang untuk menjalinkan jaringan penyelidikan dalam jangka masa panjang juga dapat dibentuk antara penyelidik dari UK dan Malaysia.

“Jaringan kerjasama saintifik yang kukuh akan memudahkan pertukaran ilmu pengetahuan dalam usaha menangani kemunculan penyakit haiwan yang baharu dan keperluan makanan sedunia.

“Selain itu, hubungan kerjasama tersebut dapat mempertingkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan ekonomi pada peladang serta masyarakat setempat di Malaysia juga di UK,” katanya.

Pelan tindakan yang terhasil daripada bengkel tersebut bukan sahaja dapat membantu dari segi perangkaan strategi kawalan yang lebih baik bagi industri penternakan ayam namun turut mendorong pembangunan ekonomi negara.

Seterusnya akan meningkatkan kedudukan dan peranan UPM dalam sektor pertanian dan penternakan serta kawalan penyakit haiwan.

Bengkel tersebut disertai saintis serta penyelidik muda dari agensi kerajaan dan swasta terutama mereka yang terlibat dalam bidang penyelidikan vaksin di Malaysia dan juga UK.

Dalam pada itu Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), **Prof. Datuk Dr. Mohd. Azmi Mohd. Lila** berkata, IBS merupakan salah sebuah pusat penyelidikan penting di UPM dalam mencari pengetahuan baharu, peneraju kepada penyelidikan sains perubatan dan kehidupan seharian serta bioteknologi.

Jelasnya, IBS yang



Bengkel Vaksinologi Malaysia-UK

Anjuran bersama Institut Biosains (IBS) UPM dan Institut Pirbright United Kingdom (UK).

Tema: *Mencipta Teknologi Vaksin Generasi Masa Hadapan Bagi Melawan Patogen Veterinar*

Jumlah peserta: 56 orang melibatkan pelbagai universiti dan institusi penyelidikan di Malaysia dan UK.

Antara univeriti dan institut penyelidikan adalah Institut Pirbright, University Kent, University Oxford, University Stirling, Imperial College London dan University of Glasgow selain UPM, USM, UKM, UM, UIA, Institut Penyelidikan Veterinar (VRI) UMT, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Universiti Monash, Perdana University-RCSI Malaysia dan University Nottingham (Kampus Malaysia).

menumpukan penyelidikan terhadap Perubatan Biomolekular dan Terapeutik bagi meneroka potensi produk baharu ubat-ubatan, nutrasutikal dan nutrikosmotikal daripada sumber semula jadi.

“Selain itu, pusat ini juga bertanggungjawab membangunkan vaksin, diagnos dan terapeutik terhadap penyakit berjangkit termasuklah kanser dan bioteknologi marin.

“Pada 2010, IBS telah dianugerahkan status HICoE (Pusat Kecemerlangan Institusi Pengajian Tinggi) dari enam penerima di negara ini dalam kajian berkenaan vaksinasi haiwan dan terapeutik,” katanya.

Pada bengkel tersebut sebanyak 40 kertas kerja telah dibentangkan menerusi pembentangan secara lisan dan poster dan perbincangan khas berkenaan patogen veterinar dan hos yang dijangkiti turut diadakan.



DR. ABDUL RAHMAN OMAR (tiga dari kiri) dan **Dr. Azmi Lila** (tiga dari kanan) bersama sebahagian wakil universiti dan institusi penyelidikan yang hadir dalam persidangan mengenai vaksin di Serdang baru-baru ini.